

Mahu hadiah lambang tertinggi tentera AS pada PM

KLANG: Aktivis sosial, Mohd. Alif Syamrin Abdullah, 60, yang banyak menyumbang tenaga membantu penduduk dan petugas di Parlimen Kapar ketika pandemik Covid-19, tiga tahun lalu, ingin menyerahkan *emblem* atau lambang kecemerlangan tertinggi tentera marin Amerika Syarikat (AS) miliknya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, hasrat itu timbul setelah merasakan dirinya semakin uzur sejak disahkan menghidap sakit jantung, lima tahun lalu.

“Lambang ini saya terima kerana pengiktirafan atas khidmat cemerlang saya sebagai pemandu peribadi kepada pegawai tertinggi tentera marin AS, Mejar Jeneral Richard L. Simcock II semasa lawatan beliau ke negara ini lapan tahun lalu,” katanya di sini.

Mohd. Alif berkata, difahamkan dia adalah penerima keempat lambang tersebut di seluruh dunia dan merasakan ia berbaloi untuk diserahkan kepada kerajaan.

Jelasnya lagi, harapan kini



MOHD. Alif Syamrin Abdullah menunjukkan lambang kecemerlangan tertinggi tentera marin Amerika Syarikat yang diterimanya, lapan tahun lalu.

hanya satu iaitu Perdana Menteri sudi menerima lambang tersebut sebelum dia menghembuskan nafas terakhir.